

Rujukan Kami (Our Ref): UMP.03.01/10.12/3 (19)  
Tarikh: 27 November 2020

Semua Dekan/ Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.  
Prof. Dato Sri/ Prof. Dato/ Prof./ Prof. Madya/ Tuan/ Puan,

**EDARAN SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2020  
PINDAAN KADAR ELAUN PERJALANAN KENDERAAN UNIVERSITI MALAYSIA  
PAHANG**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini dilampirkan Surat Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2020 Pindaan Kadar Elaun Perjalanan Kenderaan Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan Prof. Dato Sri/ Prof. Dato/ Prof./ Prof. Madya/ Tuan/ Puan, selanjutnya


Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ZAINUDIN BIN OTHMAN)**  
Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan (CFO)  
Universiti Malaysia Pahang



## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2020**

Semua Dekan/Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

Prof. Dato Sri/ Prof. Dato/ Prof./ Prof Madya/ Tuan/ Puan,

### **PINDAAN KADAR ELAUN PERJALANAN KENDERAAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan memaklumkan pindaan kadar Elaun Perjalanan Kenderaan bagi seseorang pegawai yang menggunakan kenderaan sendiri bagi menjalankan tugas rasmi sama ada di dalam atau di luar Ibu Pejabat bagi Universiti Malaysia Pahang.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Universiti telah menggunakan Pekeliling Bendahari Bil. 7 Tahun 2014 bertarikh 5 Disember 2014 berkenaan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kerana Menjalankan Tugas Rasmi, Universiti Malaysia Pahang.
- 2.2 Kadar Elaun Perjalanan Kenderaan seseorang pegawai yang menggunakan kenderaan sendiri bagi menjalankan tugas rasmi adalah seperti perkara 5.7.1 Pekeliling Bendahari Bil. 7 Tahun 2014 seperti berikut:

Jarak Perjalanan Bertugas Rasmi Bagi Tiap-Tiap Satu Bulan	Kelas				
	A	B	C	D	E
	(sen/km)				
500 kilometer pertama	70	60	50	45	40
501 - 1,000 km	65	55	45	40	35
1,001 – 1,700 km	55	50	40	35	30
1,701 km dan seterusnya	50	45	35	30	25

2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali 46 Bil 4/2020 telah meluluskan pindaan kadar Elaun Perjalanan Kenderaan sebagaimana pindaan Pekeliling Perbendaharaan WP1:4 Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi.

### 3.0 PINDAAN KADAR ELAUN PERJALANAN KENDERAAN

3.1 Seseorang pegawai yang menggunakan kenderaan sendiri bagi menjalankan tugas rasmi sama ada di dalam atau luar Ibu Pejabat adalah layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan mengikut kadar seperti berikut:

Jarak Perjalanan Bertugas Rasmi Bagi Tiap-Tiap Satu Bulan (sen/km)	Kadar Mengikut Jenis Kenderaan (sen/km)	
	Kereta	Motosikal
500 km pertama	85	55
501 km dan seterusnya	75	45


3.2 Syarat-syarat lain dalam Pekeliling Bendahari Bil. 7 Tahun 2014 bertarikh 5 Disember 2014 berkenaan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kerana Menjalankan Tugas Rasmi, Universiti Malaysia Pahang adalah terpakai.

#### 4.0 TARIKH KUAT KUASA

4.1 Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh surat ini ditandatangani.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**ZAINUDIN BIN OTHMAN**

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 27 November 2020.

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi
  - Ketua Pustakawan
  - Pegawai Undang-Undang